



MALAYSIA PERLU DASAR TUNGGAL URUSKAN MASALAH KEMISKINAN

Beberapa minggu lalu, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) mengeluarkan statistik insiden kemiskinan baharu. Ramai tersentak melihatkan deretan angka kemiskinan yang tinggi.

Insiden kemiskinan begitu memberi gambaran bahawa jurang antara miskin-kaya masih berlaku dengan ketara, meskipun kita tahu pekali gini Malaysia boleh diterima, iaitu 0.411 bagi 2020 berbanding 0.407 bagi 2019.

Sedikit biasan kepada realiti ini, perlu kita tahu berlaku peningkatan insiden kemiskinan ini akibat daripada Malaysia bersetuju untuk menggunakan metodologi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) baharu atau dikenali sebagai PGK2019. Ia ditambah baik dan berbeza berbanding PGK2005.

PGK2019 mempertimbangkan kos keperluan asas, pola perbelanjaan B20, perbezaan harga mengikut lokasi, strata dan negeri serta akhir sekali mengambil kira tiga komponen asas iaitu keperluan makanan, keperluan bukan makanan dan ciri-ciri isi rumah.

Dengan mempertimbangkan perkara lain lagi, maka nilai PGK2019 (RM2,208) meningkat lebih dua kali ganda berbanding PGK2005 (RM980).

Ringkasannya, PGK2019 menggabungkan dua kategori PGK - makanan bernilai RM1,169 (miskin tegar) dan bukan makanan bernilai RM1,038. Gabungan kedua-dua ini menjadikan PGK2019 kepada nilai RM2,208. Pada peringkat awal, pengenalan PGK2019 menyebabkan insiden kemiskinan di Malaysia meningkat sehingga 5.6 peratus.

Selain penggunaan PGK2019, peningkatan angka kemiskinan turut disebabkan kesan langsung COVID-19 yang menjejaskan sumber pendapatan rakyat, seterusnya menjerumuskan mereka ke dalam insiden kemiskinan.

Kita harus akui, Malaysia memperkenalkan PGK2019 tahun lalu dan mula menggunakannya dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12). Ia satu tindakan berani dan boleh memakan diri, lebih-lebih lagi diperkenal serta digunakan ketika pandemik sedang mengganas.

Namun dari sudut lain, usaha ini harus dipuji kerana Malaysia berani mendefinisikan kembali dan mengenal pasti siapakah benar-benar miskin dan kemudian dapat mengelak daripada wujud kelompok tercicir.

Sempena Malaysia mula menggunakan PGK2019, maka perlu ia disusuli momentum menggunakan strategi baharu. Strategi terbabit perlu menyeluruh, realistik, inklusif dan berimpak lestari.

Bagi melaksanakannya, ia memerlukan kerangka yang kuat, berjangka panjang dan serius. Maka, tidak lain dan tidak bukan, Malaysia memerlukan dasar tunggal atau berdiri sendiri, bukan ditempelkan dengan dasar lain.

Prinsip dasar tunggal ini dikenali sebagai pro-poorness policy atau dasar mendahulukan yang miskin.

Jika mengimbau sedikit sejarah lampau Malaysia, kita pernah ada dasar kuat untuk menguruskan kemiskinan iaitu Dasar Ekonomi Baharu (DEB) (1971-1990). Ia menumpukan untuk membasmi kemiskinan melalui penyusunan semula masyarakat, memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum.

Pelaksanaan DEB selama 20 tahun berjaya mengurangkan dengan signifikan insiden kemiskinan dan sebagai limpahannya dapat mengukuhkan perpaduan negara.

Sebaliknya, dasar tunggal pengurusan kemiskinan perlu ditumpukan kepada pembasmian kemiskinan dan peningkatan kesejahteraan.

Apakah antara kandungan boleh dimasukkan dalam dasar tunggal pengurusan kemiskinan Malaysia ini? Antara lontaran awal, sudah pasti pengurusan kemiskinan memerlukan data komprehensif.

Kita maklum Malaysia sudah pun mempunyai pangkalan data khusus yang mengandungi data komuniti miskin.

Dengan dunia kini disokong teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (IR4.0), maka pangkalan data kita perlu diperkasakan lagi dengan menggunakan teknologi data raya serta di dalamnya terdapat pelbagai teknologi baharu yang melibatkan bersama seperti teknologi kecerdasan buatan (AI), teknologi digital dan sebagainya.

Pengisian utama mungkin bukan lagi hanya tertumpu kepada data pendapatan dan latar belakang asas, tetapi memerlukan data bersifat 360 darjah atau boleh menggunakan pendekatan pemetaan komuniti berkonsepkan sama.

Data daripada pemetaan 360 darjah ini boleh mengandungi 'data boleh guna' untuk aktiviti intervensi komuniti miskin dalam program pembasmian tertentu, berasaskan potensi mereka dan bukannya menggunakan pendekatan blanket (secara pukul rata).

Dengan memiliki data komprehensif itu, gerakannya juga memerlukan dukungan dan kolaborasi bersama semua pemegang taruh. Sudah pasti perlu membabitkan empat kelompok utama iaitu kumpulan sasaran (komuniti miskin), kerajaan, industri dan komuniti, di samping institusi formal lain.

Seiring perancangan pembangunan fizikal dan bukan fizikal, kelompok ini dapat bersama dalam usaha pengurusan kemiskinan dengan berkongsi dan memanfaatkan data melalui konsep data terbuka.

Pembabitan mereka dengan konsep data terbuka membolehkan data lebih dipercayai kerana mengandungi prinsip semak dan imbang.

Malah, usaha ini juga selaras gerakan antarabangsa yang cuba membangkitkan masyarakat pintar (society of intelligence) atau Society 5.0, yang mana masyarakat menggunakan data dan teknologi untuk meningkatkan kesejahteraan hidup mereka.

Selain itu, usaha menguruskan kemiskinan juga perlu dimasukkan dalam gerakan berskala besar dan diserapkan dalam agenda genting atau strategik lain negara seperti bersama dalam gerakan jaminan makanan negara.

Sempena Malaysia kerap mengeluarkan statistik insiden kemiskinan mengikut negeri, maka wajar ditumpukan kepada strategi kolaborasi antara negeri yang mempunyai insiden kemiskinan tinggi seperti Sarawak, Kelantan dan Sabah.

Boleh diwujudkan konsortium pembangunan masa hadapan yang menggalakkan perkongsian pintar yang strategik dan praktikal serta meneroka potensi antara satu sama lain untuk bersama menguruskan kemiskinan secara berimpak lestari.

Perkara ini bukan asing, malah boleh diselaraskan dengan Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) yang terkandung dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030).

Sebetulnya, banyak lagi elemen penting boleh dimasukkan dalam dasar tunggal pengurusan kemiskinan Malaysia.

Namun, paling penting adalah ia hanya boleh direalisasikan melalui keazaman politik dan ketulusan pelaksanaan dalam menghapuskan kemiskinan, seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup demi bersama membina Malaysia yang lebih makmur.

Pengarah Institut Penyelidikan dan Pengurusan Kemiskinan (InsPeK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2021/09/860371/malaysia-perlu-dasar-tunggal-uruskan-masalah-kemiskinan>